

4 MAR 1996

Penguatkuasa

KEDAH MINTA TAMBAH ANGGOTA PENGUATKUASA DI LANGKAWI

LANGKAWI, 4 Mac (Bernama) -- Kerajaan Negeri Kedah akan memohon kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-ehwal Pengguna untuk menambah anggota penguatkuasaan secara tetap bagi memperhebatkan operasi pemeriksaan harga barangan di pulau peranginan bebas cukai ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Keusahawanan Negeri Datuk Syed Razak Syed Zain berkata lebih ramai anggota unit itu diperlukan terutamanya menjelang musim perayaan dan cuti sekolah bagi mengelakkan peniaga menaikkan harga dan kadar perkhidmatan sesuka hati.

Beliau berkata banyak aduan diterima mendakwa peniaga di Langkawi menaikkan harga barang dan kadar perkhidmatan semasa musim cuti perayaan berkembar Tahun Baru Cina dan Aidil Fitri baru-baru ini.

"Kita berharap dapat mencontohi tindakan yang dibuat semasa Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 1995 (Lima 95) yang persediaan rapi menjelang pameran itu dapat mengelak kenaikan harga barang dan bayaran perkhidmatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan satu seminar mengenai pelancongan Jepun di sini.

Beliau berkata semasa pameran itu, ramai anggota tambahan unit penguatkuasa dari negeri-negeri jiran dan Kuala Lumpur ditempatkan di sini untuk membendung sebarang kenaikan harga.

Syed Razak, yang juga pengerusi bersama Jawatankuasa Menstabilkan Harga Barangan dan Perkhidmatan Langkawi, berkata para peniaga di sini juga perlu bersedia menyimpan bekalan bahan makanan mencukupi setiap kali tiba musim perayaan atau cuti panjang untuk mengelakkan kekurangan bekalan.

Katanya alasan kekurangan bekalan yang memaksa kenaikan harga barangan tidak boleh diterima lagi kerana kerajaan negeri dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) sudah menyediakan kemudahan perkhidmatan kargo dan gudang untuk menyimpan bekalan makanan.

Harga barang yang tinggi dan bayaran perkhidmatan terutamanya kadar sewa kereta yang tidak munasabah di Langkawi kerap menjadi rungutan para pengunjung.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga kerap mengeluh setiap kali diajukan mengenai aduan orang ramai bahawa para peniaga di sini gemar menaikkan harga barang dan kadar sewa kereta sesuka hati mereka. --

BERNAMA

ZAA NAK